

PENERIMA IJAZAH KEHORMAT ULUNG



YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
Ijazah Kehormat Ulung Doktor Kejuruteraan



YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR. SITI HASMAH MOHD. ALI
Ijazah Kehormat Ulung Doktor Sains

Istiadat Konvokesyen Khas
Universiti Malaysia Perlis
17 Mac 2011

PENERIMA IJAZAH KEHORMAT ULUNG DOKTOR KEJURUTERAAN



**YANG AMAT BERBAHAGIA
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**

BIODATA YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD



Tun Dr. Mahathir Mohamad dilahirkan pada tanggal 20 Disember 1925. Putera kepada pasangan Mohamad bin Iskandar dan Wan Tempawan binti Wan Hanafi ini dilahirkan di Seberang Perak, Alor Setar, Kedah. Beliau merupakan anak bongsu di kalangan sembilan orang adik-beradik.

Tun Dr. Mahathir memulakan alam persekolahan di Sekolah Melayu Laki-laki Seberang Perak pada tahun 1930 selama dua tahun sebelum melanjutkan pengajian menengah di Government English School (GES), Alor Setar yang kini dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid.

Tun Dr. Mahathir telah melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di King Edward VII College of Medicine, Singapura pada tahun 1947. Semasa di Kolej, beliau merupakan seorang pelajar yang tekun dan bersungguh-sungguh dalam pelajaran, aktif dalam sukan ragbi dan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan pelajar-pelajar lain.

Pada tahun 1953, beliau telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (M.B.B.S) dari University of Malaya di Singapura. Berbekalkan kelulusan berkenaan, Tun Dr. Mahathir telah memulakan perkhidmatannya dalam kerajaan dengan menjadi doktor pelatih di Hospital Besar Pulau Pinang. Pada tahun 1954, beliau telah dilantik sebagai Pegawai



Perubatan di Hospital Besar Alor Setar bagi memenuhi kontrak biasiswanya. Beliau juga telah memberikan khidmat perubatan di Langkawi, Jitra dan Perlis.

Pada tahun 1957, setelah tamat kontraknya dengan kerajaan, Tun Dr. Mahathir dengan bantuan dan kerjasama Tun Dr. Siti Hasmah telah membuka klinik persendirian yang bernama Klinik MAHA, di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar. Klinik MAHA merupakan klinik Melayu pertama di Negeri Kedah. Selain daripada perkhidmatan perubatan, klinik MAHA juga telah menjadi medan untuk beliau menjalankan aktiviti-aktiviti perkhidmatan komuniti setempat.

Keperihatinan beliau terhadap masalah ekonomi dan politik Melayu telah diluahkan dalam bentuk rencana-rencana yang diterbitkan oleh *Sunday Times* di bawah nama pena 'C.H.E Det' antara tahun 1946-1950. Penulisan merupakan satu dari minat Tun Dr. Mahathir hinggalah ke hari ini. Pada tahun 1945, semasa beliau masih di bangku sekolah, Dr. Mahathir telah menjadi penyunting Darulaman, majalah rasmi keluaran Kolej Sultan Abdul Hamid. Beliau juga berkhidmat sebagai penyunting sebuah majalah yang diterbitkan oleh kolej perubatan di mana beliau menuntut. Kegigihan dan semangat untuk menyuarakan pendapat melalui penulisan telah menyebabkan beliau menghasilkan pelbagai

jenis penerbitan termasuklah buku 'The Malay Dilemma' yang diterbitkan dalam tahun 1970.

Selain daripada menulis, Tun Dr. Mahathir juga merupakan seorang yang rajin membaca dan berpegang teguh kepada prinsip bahawa pembelajaran adalah proses seumur hidup. Tuntutan profesional dan politik juga tidak menghalang beliau untuk menjadikan seni pertukangan kayu sebagai satu hobi. Tun Dr. Mahathir dikenali sebagai seorang yang kreatif dan pernah mengikuti kursus pertukangan kayu di Great Britain untuk mempertingkatkan tahap kemahiran beliau. Dalam tahun 1989, berdasarkan minat yang berterusan dalam bidang ini, Tun Dr. Mahathir telah dianugerahkan Honorary Freedom of the Worshipful Company of Carpenters oleh British Carpenters Society.

Penglibatan Tun Dr. Mahathir di dalam arena politik tidak begitu ketara dalam tahun-tahun 1950-an disebabkan beliau masih menuntut di Universiti. Walau bagaimanapun, beliau terus menulis esei dan komentar mengenai isu-isu sosio-politik negara di akhbar *The Straits Times*. Perletakan jawatan sebagai doktor kerajaan pada tahun 1957 telah membolehkan Tun Dr. Mahathir bergiat semula di dalam bidang politik.

Kecenderungan dan minatnya yang mendalam dalam bidang pendidikan membolehkan beliau dilantik sebagai Pengerusi Majlis Pendidikan Tinggi yang pertama tahun 1968, Ahli Majlis Penasihat

Pendidikan Tinggi pada tahun 1972, Member of the University Court and University of Malaya Council serta Chairman of the National University Council pada tahun 1974. Beliau telah melepaskan jawatan-jawatan ini untuk membolehkannya bertanding pada pilihan raya umum tahun 1974 yang mana beliau menang tanpa bertanding.

Berikutan daripada pilihanraya itu, Tun Dr. Mahathir dilantik sebagai Menteri Pelajaran. Sebagai Menteri Pelajaran, langkah pertama dalam perancangan beliau adalah mengubah polisi pendidikan negara supaya ianya menggambarkan usaha-usaha ke arah menghapuskan kemiskinan dan mewujudkan keadilan untuk semua dan memastikan semua individu diberi peluang membaiki taraf hidup mereka.

Sepanjang menjadi Menteri Pelajaran, beliau mengekalkan pembaharuan seperti peluang yang lebih kepada anak Melayu melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi, mengubah kuota kemasukan, dan beberapa kriteria kemasukan ke pusat-pusat tersebut, mengadakan biasiswa dan menubuhkan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Tun Dr. Mahathir digelar "Bapa Pemodenan Malaysia" dan merupakan pemimpin yang paling lama memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, iaitu dari 16 Julai 1981 hingga 31 Oktober 2003. Sepanjang 22 tahun beliau memegang jawatan pentadbiran tertinggi negara, banyak kemajuan dan pembangunan yang telah beliau rancang dan



laksanakan. Walaupun kadangkala cetusan idea dan wawasan beliau kurang difahami, namun hakikatnya beliau merupakan seorang yang berpandangan jauh dan terkehadapan, malah lebih jauh daripada pemikiran orang Melayu khususnya.

Apabila Tun Dr. Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri yang keempat pada 16 Julai 1981, beliau telah memperkenalkan idea yang kreatif dan inovatif dalam menambah baik perkhidmatan kerajaan. Antara dasar beliau yang memberi impak kepada penambahbaikan taraf perkhidmatan kerajaan adalah kempen Bersih, Cekap dan Amanah, sistem 'punch-card' di kalangan pegawai-pegawai kerajaan dan dasar 'Pandang ke Timur'. Dasar ini telah membawa negara mencapai kemajuan dari segi pendidikan, sains dan teknologi. Malaysia mula menjadi perhatian dunia dengan seorang pemimpin yang berani menyuarakan pendapat walaupun bertentangan dengan pemimpin-pemimpin negara Barat.

Tun Dr. Mahathir turut memperkenalkan Wawasan 2020 yang menekankan kelestarian pembangunan sumber manusia sebagai asas kemajuan negara. Pembangunan pendidikan dan ekonomi yang seimbang antara kaum dan antara bandar dan luar bandar menjadi inti pati kepada Wawasan 2020 ini.

Pada tahun 1997, majalah *Asiaweek* telah menamakan Tun Dr. Mahathir sebagai antara 50 individu yang paling berkuasa di Asia, di

mana beliau menduduki tempat kedua dalam senarai yang dikeluarkan oleh majalah tersebut. Penamaan beliau memang tepat kerana ekonomi dunia ketika itu berada dalam kegawatan manakala krisis matawang melanda kebanyakan negara di dunia terutamanya negara-negara di Asia seperti Indonesia, Thailand dan Filipina.

Tun Dr. Mahathir berjaya mengawal kegawatan ekonomi dengan menambat Ringgit kepada Dollar Amerika, satu pendekatan yang mendapat kritikan hebat pada mulanya oleh badan kewangan dunia seperti Bank Dunia dan International Monetary Fund (IMF). Terbukti kesannya, Malaysia adalah satu-satunya negara yang berjaya melepaskan diri daripada belenggu kegawatan tersebut tanpa perlu 'mengikat diri' kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh IMF seperti yang berlaku kepada negara-negara lain di Asia.

Kedudukan beliau sebagai Chief Executive Officer (CEO) Malaysia adalah sesuai dan tepat dengan visi yang beliau rancang dan sasarkan. Tun Dr. Mahathir telah mengubah sektor ekonomi asas negara daripada sebuah negara yang berasaskan pertanian kepada sebuah negara berasaskan perindustrian. Detik-detik awal beliau diamanahkan menjadi Perdana Menteri Malaysia, sektor ekonomi negara pada ketika itu banyak bergantung kepada bahan komoditi utama seperti getah, kelapa sawit, timah dan industri petroleum yang masih lagi diusahakan secara kecil-kecilan.



Memandangkan komoditi tidak dapat membantu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, maka pada awal tahun 1980-an Tun Dr. Mahathir telah membuat keputusan untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara dan sekaligus mengurangkan pergantungan terhadap bahan komoditi.

Kini, kebergantungan ekonomi negara terhadap bidang perindustrian begitu ketara apabila sektor perkilangan membentuk 30% daripada asas ekonomi negara manakala sektor pertanian menurun kepada 8% sahaja berbanding 23% kira-kira 22 tahun lalu.

Tun Dr. Mahathir telah memperkenalkan dasar Persyarikatan Malaysia iaitu suatu dasar di mana Malaysia diandaikan sebagai sebuah syarikat dan rakyatnya sebagai pekerja dan pemegang saham. Beberapa agensi kerajaan telah diswastakan untuk meringankan bebanan kewangan kerajaan. Di masa pentadbirannya banyak syarikat-syarikat utiliti seperti Lembaga Letrik Negara, Jabatan Telekom dan sebagainya, telah disenaraikan sebagai korporat awam. Persyarikatan Malaysia telah berjaya meningkatkan prestasi, daya pengeluaran serta imej negara.

Di antara langkah-langkah lain, ialah peningkatan pembangunan industri berat dan yang penting juga pertukaran teknologi asing kepada teknokrat Malaysia. Salah satu kejayaan di dalam gerakan ini ialah penubuhan industri automatif negara, yang

menunjukkan kereta-kereta dan motosikal nasional adalah yang terlaris di Malaysia. Persyarikatan juga bertujuan menjana kerjasama dan bekerja sebagai rakan kongsi antara sektor awam. Tun Dr. Mahathir juga meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pemilikan saham sektor perusahaan dan perdagangan dengan penubuhan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Amanah Saham Nasional serta Amanah Saham Bumiputera dan beberapa saham amanah dalam portfolio PNB.

Dalam usaha melakar nama negara di arena antarabangsa, pelbagai projek gergasi telah diilhamkan oleh Tun Dr. Mahathir. Antara yang terawal ketika beliau baru memegang jawatan sebagai Perdana Menteri ialah projek pengeluaran kereta Proton melalui HICOM (Heavy Industries Corporation of Malaysia). Walaupun projek beliau ini dianggap agak keterlaluan memandangkan negara ketika itu masih muda dalam projek pembuatan kereta nasional namun negara kita boleh berbangga kerana projek ini begitu berjaya sehingga mampu bersaing dengan pengeluar kereta lain di seluruh dunia.

Dasar penswastaaan negara ialah contoh pengurusan kewangan beliau yang agak memberangsangkan. Dasar yang diperkenalkan di penghujung tahun 1980-an ini bertujuan mengurangkan perbelanjaan oleh pihak kerajaan di samping memberi perkhidmatan yang lebih baik.



Selain itu, dasar ini juga membawa perubahan yang sangat besar terutamanya dalam bidang teknologi kerana pihak-pihak yang terbabit perlu mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi untuk memastikan perkhidmatan yang ditawarkan murah tetapi bermutu tinggi.

Selain projek kereta nasional, satu lagi projek besar yang beliau cetuskan ialah Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor (MSC). Projek ini diilhamkan dan direalisasikan memandangkan Tun Dr. Mahathir telah sedar akan peri pentingnya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam dunia perdagangan masa kini dan masa depan.

Projek-projek besar yang dibangun dan direalisasikan semasa beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia antaranya ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Stadium Nasional Bukit Jalil, Litar Antarabangsa Sepang, dan Menara Berkembar Petronas.

Projek-projek ini secara tidak langsung berjaya meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun yang dikenali dunia. Malah corak pentadbiran dan ketegasan yang ditunjukkan oleh Tun Dr. Mahathir semasa menjadi Perdana Menteri menyebabkan negara ini disegani dunia.

Bagi mengimbangi pembangunan dengan kepakaran tenaga manusia, program-program akademik dalam bidang ICT, kejuruteraan dan teknikal terus dirancarkan

bagi mempersiapkan tenaga profesional tempatan. Konsep institusi pengajian tinggi dalam bidang teknikal berasaskan aplikasi dan amalan diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir. Ini berdasarkan kepada beberapa universiti teknikal yang berjaya di Jerman dan Australia.

Maka di sinilah teretusnya idea Tun Dr. Mahathir untuk melahirkan empat buah Kolej Universiti di Malaysia termasuk Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) yang telah dijenamakan semula kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada tahun 2007. Keempat-empat Universiti ini telah membentuk Jaringan Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

Sepanjang tempoh 22 tahun sebagai Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir telah membawa Malaysia ke persada kecemerlangan. Malaysia telah melalui pelbagai pembaharuan fizikal, mental dan sosial. Malaysia telah menjadi negara yang disegani dan dihormati di pentas dunia. Malaysia mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di kalangan negara-negara maju dunia. Kejayaan Malaysia sebagai negara membangun dan sebuah negara Islam yang unggul di rantau ini telah diiktiraf dunia.

UniMAP merasa bertuah kerana dilahirkan dari cetusan idea insan tersohor yang dikagumi ini. Semoga warisan yang ditinggalkan akan diteruskan oleh bakal pemimpin masa hadapan agar Malaysia terus maju dan cemerlang di pentas dunia.



PENERIMA IJAZAH KEHORMAT ULUNG DOKTOR SAINS



**YANG AMAT BERBAHAGIA
TUN DR. SITI HASMAH MOHD. ALI**

BIODATA

YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR. SITI HASMAH MOHD. ALI

Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dilahirkan pada tanggal 12 Julai 1926 di Kampung Jawa, Klang, Selangor. Permata Negara yang diraikan ini merupakan anak ketujuh daripada sepuluh orang adik beradik.

Tun Dr. Siti Hasmah merupakan seorang pencinta ilmu. Sejak kecil lagi, beliau sudah menunjukkan minat yang mendalam dalam pembelajaran. Pendidikan agama dan pengajian Al-Quran telah diperoleh melalui kelas agama di rumah Tuk Imam Haji Sulaiman, Kampung Baru. Di hujung minggu pengajian Bahasa Melayu dan Jawi diperoleh di Sekolah Perempuan Melayu Kampung Baru. Tun Dr. Siti Hasmah merupakan seorang pelajar yang amat tekun dan rajin. Beliau mendapat pendidikan secara formal di Sekolah St. Mary, Kuala Lumpur.

Atas ketekunan dan kerajinannya, pada tahun 1946 beliau telah lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan Senior Cambridge. Tun Dr. Siti Hasmah kemudiannya telah melanjutkan pengajian di King Edward VII College of Medicine pada tahun 1949 yang kemudiannya dikenali sebagai Fakulti Perubatan Universiti Malaya di Singapura.

Beliau merupakan satu-satunya wanita Melayu yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran di kolej tersebut. Kemasukannya ke



kolej ini menjadikan beliau wanita Melayu kedua memasuki bidang Perubatan. Kecemerlangan dalam bidang akademik telah melayakkan Tun Dr. Siti Hasmah mendapat tajaan biasiswa *Government Financial Aid* di sepanjang tempoh pengajian beliau di Kolej Perubatan King Edward.

Pada tahun 1955, beliau telah menerima Ijazah Doktor Perubatan daripada Fakulti Perubatan, Universiti Malaya, Singapura dan kemudian berkhidmat di dalam perkhidmatan perubatan kerajaan. Tun Dr. Siti Hasmah merupakan doktor wanita pertama di Malaysia dan selepas sepuluh tahun berkhidmat, beliau merupakan wanita pertama dilantik sebagai Pegawai Perubatan di Bahagian Kesihatan Ibu Mengandung dan Kanak-kanak, dan pada tahun 1974, beliau merupakan wanita pertama dilantik sebagai Pegawai Kesihatan Negeri Ibu Mengandung dan Kanak-kanak di Kedah.

Pada tahun 1956, Tun Dr. Siti Hasmah telah bertemu jodoh dengan rakan sepengajiannya, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pada masa tersebut mereka sama-sama bertugas sebagai Pegawai Perubatan di Alor Setar. Tun Dr. Siti Hasmah merupakan seorang wanita yang tabah yang sentiasa berada di sisi suami tersayang dalam menempuh kehidupan sama ada susah

mahupun senang. Ikatan perkahwinan yang kekal hingga ke hari ini diserikan lagi dengan kehadiran anak-anak tersayang.

Sebagai seorang doktor perubatan, Tun Dr. Siti Hasmah menjelajahi segenap pelusuk kampung dan desa untuk menabur khidmat bakti kepada ahli masyarakat yang memerlukannya. Ruang lingkup penjelajahan beliau termasuklah di daerah Kota Setar, Yan, Padang Terap, Kubang Pasu dan Langkawi. Jauh perjalanan, luas pandangan. Tahun-tahun awal ini menjadi asas kepada kefahaman teguh Tun Dr. Siti Hasmah tentang isu dan masalah wanita tempatan khususnya yang berkaitan dengan aspek kebajikan, kesihatan, pendidikan dan ekonomi.

Tun Dr. Siti Hasmah juga aktif dalam bidang penulisan. Beliau telah menulis artikel tentang perubatan, kehamilan, perkembangan kanak-kanak termasuk hal ehwal sosio ekonomi masyarakat Malaysia.

Apabila kerjaya politik Tun Dr. Mahathir mula terserlah, Tun Dr. Siti Hasmah bersara daripada perkhidmatan awam pada tahun 1979 agar dapat berkhidmat kepada masyarakat menggunakan platform lain yang lebih efektif memandangkan kedudukan beliau sebagai isteri kepada pemimpin utama Negara.

Beliau telah berusaha dengan gigih untuk meningkatkan taraf ekonomi serta pendidikan dalam masyarakat luar Bandar. Sebagai Isteri Perdana Menteri, Tun Dr. Siti Hasmah terus menggalakkan peningkatan taraf hidup dan kesihatan kaum wanita, perancangan keluarga serta bacaan dewasa atau *adult literacy*. Sehingga kini, Tun Dr. Siti Hasmah terus prihatin terhadap pendidikan dan kesihatan terutamanya bagi kaum wanita.

Selain itu, Tun Dr. Siti Hasmah turut aktif menjalankan pelbagai usaha mendidikan masyarakat Malaysia terutama beliau tentang bahaya penyalahgunaan dadah sehingga usaha ini diiktiraf oleh Amerika Syarikat apabila Wanita Pertamanya, Nancy Reagan menjemput Tun Dr. Siti Hasmah menghadiri *First Ladies' Conference on Drug Abuse* di Washington D.C.

Sebagai seorang yang berpelajaran tinggi, Tun Dr. Siti Hasmah sedar akan kepentingan pendidikan kepada masyarakat khususnya wanita. Sebab itulah beliau banyak menerajui persatuan yang mempunyai kaitan tentang wanita dan kanak-kanak seperti Presiden BAKTI (Badan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri), Persatuan Perancang Keluarga Kedah, Persatuan Pandu Puteri Malaysia, Persatuan Pemulihan Kanak-kanak Cacat, Persatuan Yayasan Perubatan Malaysia, Persatuan Pediatrik Malaysia, Persatuan Kesihatan Ibu



Mengandung dan Neonatal, Jawatankuasa Kebangsaan Pertubuhan Kesihatan Mental Dunia, Pertubuhan Pan Pacific South Asia Women Malaysia dan puluhan yang lain.

Walaupun beliau banyak menyumbang bakti kepada rakyat seluruh Negara, namun rakyat Kubang Pasu tetap berada hampir dihatinya. Ini terbukti apabila beliau menjadi Penasihat Utama Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu dan melaksanakan pelbagai aktiviti terutamanya aktiviti pendidikan kepada warga Kubang Pasu.

Segala jasa, sumbangan dan semangat dedikasi beliau dalam kerja-kerja kemasyarakatan sememangnya telah membolehkan beliau memperoleh banyak penghargaan antaranya Anugerah Kazue McLaren oleh Asia Pacific Consortium for Public Health pada tahun 1988, Ijazah Kehormat daripada beberapa universiti tempatan dan antarabangsa, pingat dan darjah kebesaran negeri, termasuk darjah kebesaran Seri Setia Mahkota Malaysia (SSM) oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang membawa gelaran Tun.

Selain itu, kewibawaan beliau semasa menjadi Wanita Pertama begitu ketara sehingga dijemput menghadiri *First Ladies Summit for the Economic Advancement of Rural Women* di Geneva, Switzerland pada tahun 1992. Di persidangan tersebut, Tun Dr.

Siti Hasmah telah dipilih sebagai seorang daripada enam *Core-Group Initiators of First Ladies* yang mewakili rantau Asia Pasifik. Di Persidangan tersebut jugalah *Geneva Declaration on Rural Women* disahkan bagi merumus dasar-dasar dan program-program untuk memajukan ekonomi para wanita di kawasan pedalaman.

Komitmen beliau dalam memperjuangkan kesejahteraan wanita luar Bandar dan pedalaman begitu disanjung tinggi oleh rakan-rakan seperjuangan beliau apabila pada September 1995, beliau dilantik sebagai pengerusi *Regional Steering Committee on the Economic Advancement of Rural and Island Women* bagi rantau Asia Pasifik.

Kesibukan tidak menghalang beliau untuk bergiat dalam bidang sukan terutamanya sukan badminton. Penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) ini sangat aktif melibatkan diri dalam sukan badminton sehingga beliau dianggap sebagai ibu kepada para pemain badminton Negara. Atas minat dan sumbangannya dalam sukan berkenaan, Jawatankuasa Sukan dan Wanita Majlis Olimpik Malaysia (MOM) telah menganugerahkan Anugerah Sukan dan Wanita 2004 kepada Tun Dr. Siti Hasmah.

Sebagaimana pihak-pihak lain, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) amat menyanjung tinggi sumbangan Tun Dr. Siti Hasmah



kepada Pembangunan Negara, yang daripadanya telah membuahakan keperluan peningkatan tahap pendidikan masyarakat sehingga tertubuhnya banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta. UniMAP bangga menjadi instrumen pembangunan Negara yang wujud secara langsung atau tidak langsung daripada hasil sentuhan khidmat bakti Tun Dr. Siti Hasmah.

Huraian ringkas tentang Permata Negara ini amat kerdil jika dibandingkan dengan sumbangan sebenar insan tersohor ini. Namun, liputan yang jauh lebih terperinci daripada ini masih belum dapat berlaku adil kepada beliau, lantaran betapa banyak dan luasnya pengaruh beliau dalam merealisasikan impian Negara sehingga menjadi kenyataan kini.

UniMAP mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tun Dr. Siti Hasmah. Semoga Allah S.W.T. mempermudah segala urusan beliau dalam menerus serta menikmati hasil jasa bakti yang ditaburkan sekian lama.







*Penerima-Penerima
Ijazah Kehormat*

Penerima-Penerima Ijazah Kehormat



YAB DATO' SERI SHAHIDAN KASSIM
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan (Hon. D. Mgt.)
Istiadat Pemasyhuran Canselor dan
Majlis Konvokesyen Komemoratif - 17 Julai 2004



Y.BHG. TAN SRI DATO' HAJI MUSA MOHAMAD
Ijazah Kehormat Doktor Sains (Hon. D. Sc.)
Istiadat Konvokesyen Pertama
22 Julai 2006



Y.BHG. DATO' MOHAMED YUNUS RAMLI ABBAS
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan (Hon. D. Mgt.)
Istiadat Konvokesyen Ke-2
18 Ogos 2007



**Y.BHG. PROF. EMERITUS TAN SRI DATO'
DR. SYED JALALUDIN SYED SALIM**
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan (Hon. D. Eng.)
Istiadat Konvokesyen Ke-3
16 Ogos 2008



Y.BHG. PROF. DATO' DR. HASSAN SAID
Ijazah Kehormat Doktor Sains (Hon. D. Sc.)
Istiadat Konvokesyen Ke-4
15 Ogos 2009



PROF. DR. KARL KOHLHOF
Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan (Hon. D. Eng.)
Istiadat Konvokesyen Ke-4
15 Ogos 2009

Pekalung Budi

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Dengan segala sukacitanya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada

**Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis
Yayasan Kepimpinan Perdana
Pejabat Menteri Besar Perlis
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti
Unit Protokol Kerajaan Negeri Perlis
Majlis Perbandaran Kangar
Polis DiRaja Malaysia Perlis
Jabatan Kerja Raya Perlis
Pakar Runding & Pakar Rujuk UniMAP
Media Elektronik & Cetak
Penyumbang-Penyumbang, Warga UniMAP**

Serta
Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam
menjayakan

ISTIADAT KONVOKESYEN KHAS, UniMAP

Terima Kasih



MS ISO 9001:2008



**UniMAP Juara
Perpaduan**

Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan

www.unimap.edu.my